A

Pendakwa Raya lwn Hua Tean Ning

MAHKAMAH TINGGI (SHAH ALAM) — PERBICARAAN JENAYAH NO 45-35-02

B ZAHARAH IBRAHIM PK
8 FEBRUARY 2006

C *Acara Jenayah — Tuduhan — Pindaan — Tertuduh dituduh dengan pengedaran dadah berbahaya — Pendakwa raya tidak berjaya membuktikan — Pindaan kesalahan memiliki dadah dalam sub-s 12(2) dibaca — Sama ada 12(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 dibaca sendirian, ada kesalahan diwujudkan*

D *Keterangan — Beban bukti — Kes jenayah — Milikan dadah — Keterangan bahawa tertuduh menafikan motosikal dan beg kertas itu miliknya — Tertuduh membuat keterangan di peringkat kenyataan beramaran — Sama ada berdasarkan imbangan kebarangkalian, cerita tertuduh dapat diterima*

E *Undang-Undang Jenayah — Dadah berbahaya — Pengedaran — Tuduhan mengedar dadah berbahaya — Anggapan — Bukti aktiviti pengedaran — Anggapan atas anggapan — Akta Dadah Berbahaya 1952 s 37(d) & (da)*

F

Tertuduh didakwa di bawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 memperedarkan dadah berbahaya, iaitu 62.0g campuran heroin dan monoacetylmorphines (12.3g heroin dan 49.7g monoacetylmorphines) yang boleh dihukum di bawah s 39B(2) Akta yang sama. Setelah kes pendakwaan telah ditutup,
G mahkamah telah memutuskan bahawa pendakwaan telah gagal untuk membuktikan kes prima facie bagi kesalahan dalam pertuduhan yang dihadapkan terhadap tertuduh, tetapi telah berjaya membuktikan bahawa tertuduh mempunyai jagaan dan kawalan ke atas dadah yang menjadi subjek pertuduhan dan oleh itu anggapan telah berbangkit bagi kesalahan pemilikan dadah itu. Pertuduhan pindaan dibacakan
H kepada tertuduh pada akhir kes pendakwaan menyatakan bahawa beliau dituduh memiliki dadah berbahaya dan beliau telah dimaklumkan tentang tiga pilihan yang ada untuknya. Tertuduh telah memilih untuk memberikan keterangan dengan berikrar. Tertuduh telah membawa dadah berbahaya dalam beg kertas yang berada dalam raga motosikal yang ditungganginya. Tertuduh selepas beliau memberhentikan motosikalnya dan turun dari motosikalnya dihampiri polis. Dalam pernyataan
I beramaran, tertuduh menafikan motosikal dan beg kertas itu miliknya. Beliau nyatakan motosikal itu kepunyaan Ah Chai di mana beliau telah meminjamnya untuk berjumpa dengan Ah Wah setelah menerima panggilan dari Ah Wah. Peguam bela juga mengatakan bahawa kesalahan memiliki dadah adalah dalam sub-s 12(2) dan bukan 12(3) ADB.

Diputuskan, melepas dan membebaskan tertuduh daripada pertuduhan:

(1) Dalam kes ini, tidak terdapat apa-apa keterangan tentang transaksi yang secara langsung dapat menunjukkan aktiviti 'trafficking' mengikut makna lazim istilah itu. Tanpa keterangan yang secara langsung dapat menunjukkan aktiviti pengedaran, maka sesuatu pertuduhan bagi pengedaran akan hanya dapat dibuktikan jika pihak pendakwa dapat menggunakan anggapan dalam s 37(da) ADB. Oleh sebab keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes *Muhammed bin Hassan v PP* [1998] 2 MLJ 274 dalam kes *PP v Tan Tatt Eek & Other Appeals* [2005] 2 MLJ 685, maka pihak pendakwa tidak dapat bergantung pada anggapan atas anggapan, iaitu pada anggapan dalam perenggan 37(d) ADB dan seterusnya pada anggapan dalam s 37(da) ADB (lihat perenggan 48 & 49).

(2) Jenis dan berat dadah itu ada dinyatakan. Inilah inttpati dalam subseksyen 12(2) ADB. Pada hemat saya, itu sudah mencukupi untuk memberi notis kepada tertuduh tentang perkara yang dengannya beliau dipertuduh, iaitu seperti yang dikehendaki oleh subseksyen 152(3) Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ') (lihat perenggan 74).

(3) Subseksyen 12(2) ADB tidak menyebut apakah kesan atau akibat apa-apa ketidakpatuhan larangan dalam sub-sn 12(2) itu. Jika sub-s 12(2) ADB dibaca sendirian, tidak ada kesalahan diwujudkan. Kesalahan hanya wujud bersama dengan hukuman dalam sub-s 12(3) ADB (lihat perenggan 75).

(4) Subseksyen 12(3) mengatakan bahawa jika seseorang melanggar peruntukan (yakni larangan) dalam sub-s 12(2) ADB, maka beliau melakukan kesalahan dan jika disabitkan hukumannya ialah denda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya. Jelas bahawa sub-s 12(3) bukanlah peruntukan hukuman semata-mata. Malah, itulah peruntukan yang mewujudkan kesalahan bagi pemilikan dadah berbahaya yang dilarang dalam sub-s 12(2) ADB itu (lihat perenggan 76).

(5) Pertuduhan pindaan yang dihadapi oleh tertuduh pada peringkat ini diasaskan pada anggapan di bawah s 37(d). Oleh yang demikian, mengikut keputusan Privy Council dalam kes *Public Prosecutor v Yuvaraj* [1969] 2 MLJ 89, kes *Mohamad Radhi bin Yaakob v Public Prosecutor* [1991] 3 MLJ 169, dan kes-kes lain yang seumpamanya, beban yang terletak pada tertuduh untuk mematahkan anggapan di bawah s 37(d) ADB, adalah berdasarkan imbangan kebarangkalian. Berdasarkan imbangan kebarangkalian, cerita tertuduh tentang kewujudan Ah Chai dan Ah Wah dapat diterima sebagai benar (perenggan 82 dan 112).

[English summary

The accused was charged under s 39B(1)(a) Dangerous Drugs Act 1952 ('DDA') trafficking dangerous drugs, ie 62.0g mixed heroin and monoacetylmorphines (12.3g heroin and 49.7g monoacetylmorphines) punishable under s 39B(2) of the same Act. After the conclusion of the prosecution's case, the court held that the prosecution had failed to prove a prima facie case for the offence and charge against the accused,

A but succeeded in proving that the accused had custody and control over the drugs which is the subject of the charge and hence raised the presumption of possession of the drugs. The amended charge was read to the accused at the end of the prosecution case stating that he was charged with possession of dangerous drugs and he was informed of three choices for him. The accused chose to testify under oath. The dangerous drugs were carried by the accused in a plastic bag in the motorcycle basket rode by him. As soon as he stopped and got down from his motorcycle, he was approached by the police. In his cautioned statement, the accused denied that the motorcycle and the bag belonged to him. He stated that the motorcycle belongs to Ah Chai where he had borrowed it to meet up with Ah Wah after receiving a call from Ah Wah. The defence counsel also stated that the offence of possessing drugs is in sub-s 12(2) and not 12(3) DDA.

Held, acquitting and discharging the accused from the said charge:

(1) In this case, there was no evidence of any direct transaction that shows 'trafficking' activity in accordance with its meaning. Without direct evidence to show trafficking, hence a charge of trafficking could only be proved if the prosecution is able to use 'presumption' within the meaning of subsection 37(da) DDA. As a result of Federal Court decisions in *Muhammed bin Hassan v PP* [1998] 2 MLJ 274 and *PP v Tan Tatt Eek & Other Appeals* [2005] 2 MLJ 685 the prosecution cannot rely on presumption upon presumption, ie presumption in sub-s 37(d) DDA followed by presumption under s 37(da) DDA (see para 48 & 49).

(2) The type and weight of the drugs are stated. This is the gist in sub-s 12(2) DDA. In my opinion, this is sufficient to give notice to the accused the matter with which he is charged, as required by sub-s 152(3) Criminal Procedure Code ('CPC') (see para 74).

(3) Subsection 12(2) DDA did not mention the effect or consequence of not complying with the prohibition in the said sub-s 12(2). If sub-s 12(2) DDA was read independently, there is no existence of an offence. The offence only exists together with punishment in sub-s 12(3) DDA (see para 75).

(4) Subsection 12(3) DDA is the section that states any person who contravenes (hence prohibition) in sub-s 12(2) DDA, he therefore shall be guilty of an offence against this Act and shall be liable on conviction to a fine not exceeding one hundred thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding five years or to both. It is clear that the provisions in sub-s 12(3) is not for mere punishment only. In fact, it is a provision that creates an offence for the possession of dangerous drugs which is prohibited under sub-s 12(2) DDA (see para 76).

(5) The amended charge faced by the accused at this stage is based on presumption pursuant to sub-s 37(d) DDA. In accordance with the decisions of Privy Council in the cases of *Public Prosecutor v Yuvaraj* [1969] 2 MLJ 89 and *Mohamad Radhi bin Yaakob v Public Prosecutor* [1991] 3 MLJ 169, and other similar cases, the burden on the accused to rebut the presumption in

sub-s 37(d) DDA, is based on the balance of probabilities. Based on this balance of probabilities, the existence of Ah Chai and Ah Wah can be accepted as true (paras 82 and 112).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai beban bukti kes jenayah, lihat 7(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2003 Reissue) perenggan 363–376.

Untuk kes-kes mengenai pengedaran dadah di bawah s 37(d) dan (da) Akta Dadah Berbahaya 1952, lihat 4 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2003 Reissue) perenggan 169–184.

Untuk kes-kes mengenai pindaan pertuduhan, lihat 5(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2004 Reissue) perenggan 994–996.

Kes-kes yang dirujuk

Abdullah bin Yusof v PP [1993] 4 CLJ 1 (dirujuk)
Arumugam Periasamy v PP [2005]3 CLJ 685 (dirujuk)
Au Ah Lin v PP [1963] MLJ 365 (dirujuk)
Ayoromi Helen v PP [2005] l MLJ 699 (dirujuk)
Balachandran v PP [2005] 2 MLJ 301 (dirujuk)
Francis Antonysamy v PP [2005] 3 MLJ 389 (dirujuk)
Gunalan a/l Ramachandran & Ors v PP [2004] 4 MLJ 489 (dirujuk)
Loo Kia Meng v PP [2000] 3 MLJ 664 (dirujuk)
Mohamad Radhi bin Yaakob v PP [1991] 3 MLJ 169 (diikut)
Muhammed bin Hassan v PP [1998] 2 MLJ 274 (diikut)
Munusamy v PP [1987] 1 MLJ 492 (dirujuk)
PP v Lam Sam [1991] 3 MLJ 426 (dirujuk)
PP v Letchumanan [2000] 4 MLJ 449 (dirujuk)
PP v Lin Lian Chen [1992] 2 MLJ 561 (dirujuk)
PP v Ooi Teng Chian [2006] 1 MLJ 213 (dirujuk)
PP v Tan Ann Chye [2003] 5 MLJ 1 (dirujuk)
PP v Tang Kheng Teong & Anor [1997] 3 MLJ 637 (dirujuk)
PP v Tan Tatt Eek & Other Appeals [2005] 2 MLJ 685 (diikut)
PP v Yuvaraj [1969] 2 MLJ 89 (diikut)
Surentheran a/l Selvaraja v PP [2006] 1 MLJ 641 (dirujuk)
Taib bin Mohamad v PP [2002] 3 MLJ 476 (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Dadah Berbahaya 1952 ss 2, 12(2), (3), 37(d), (da), (j), 39A(2), 39B(2)
Akta Eksais 1961 s 61
Kanun Tatacara Jenayah s 152

Badius Zaman bin Hj Ahmad (Saiful Edris bin Zainuddin bersama beliau) (Timbalan Pendakwa Raya) bagi pihak pendakwa raya.

Gooi Soon Seng (S Selvi bersama beliau) (Gooi & Azura) bagi pihak tertuduh.

Zaharah Ibrahim PK:

PERTUDUHAN

[1] Pertuduhan yang telah dikemukakan terhadap tertuduh adalah seperti yang berikut:

> Bahawa kamu, pada 7 Julai 2001, lebih kurang jam 7.15 malam di kawasan hadapan rumah No. 28, Jalan 1, Taman Desa Jaya, Kepong, di dalam Daerah Gombak, dalam Negeri Selangor Darul Ehsan telah didapati memperedarkan dadah berbahaya, iaitu 62.0g campuran heroin dan monoacetylmorphines (12.3g heroin dan 49.7g monoacetylmorphines) dan oleh yang demikian, kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah s 39B(2) Akta yang sama.

PERJALANAN KES

[2] Pendakwaan telah dijalankan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Badius Zaman bin Hj Ahmad yang dibantu oleh Timbalan Pendakwa Raya, Saiful Edris bin Zainuddin bagi pihak pendakwa raya, sementara Tertuduh diwakili oleh Encik Gooi Soon Seng, dengan dibantu oleh Cik S Selvi.

[3] Bagi membuktikan pertuduhan itu, pihak pendakwa telah memanggil 10 orang saksi dan mengemukakan 25 ekshibit, termasuk dadah berbahaya yang disebut dalam pertuduhan.

[4] Kes pendakwaan telah ditutup pada 22 Julai 2005 dan penghujahan kedua-dua pihak didengar pada 22 Ogos 2005 dan kemudiannya ditangguhkan ke 21 September 2005 untuk keputusan sama ada Tertuduh wajar dipanggil untuk membela dirinya.

[5] Setelah menilai keterangan yang diberikan dalam kes pendakwaan dan mendengar hujah timbalan pendakwa raya dan peguam bela, saya telah memutuskan bahawa pendakwaan telah gagal untuk membuktikan kes prima facie bagi kesalahan dalam pertuduhan yang dihadapkan terhadap tertuduh, tetapi telah berjaya membuktikan bahawa tertuduh mempunyai jagaan dan kawalan ke atas dadah yang menjadi subjek pertuduhan dan oleh itu anggapan telah berbangkit bagi kesalahan pemilikan dadah itu.

[6] Pertuduhan pindaan telah dibacakan kepada tertuduh dan dia telah dimaklumkan tentang tiga pilihan yang ada untuknya. Tertuduh telah memilih untuk memberikan keterangan dengan berikrar.

[7] Kes pembelaan telah didengar pada 16 November 2005 dan 17 November 2005 dan pada 24 November 2005 hujah kedua-dua pihak pada penutup keseluruhan kes telah didengar. Pada tarikh itu juga saya telah mengumumkan keputusan saya, iaitu bahawa pendakwaan telah gagal membuktikan kesnya

melampaui keraguan yang munasabah terhadap tertuduh atas pertuduhan pindaan terhadapnya dan oleh itu tertuduh telah dilepaskan dan dibebaskan daripada pertuduhan itu.

KES PENDAKWAAN

Fakta Kes Mengikut Pendakwaan

[8] Mengikut keterangan yang telah diberikan oleh Ketua Inspektor Tansli Mering (SP5) dan oleh Sarjan Detektif Romli bin Hasan (SP6), pada 7 Julai 2001 ('hari kejadian'), pada jam 7 petang, suatu pasukan polis yang diketuai oleh SP5 dandianggotai oleh SP6 serta 13 orang yang lain telah melakukan serang hendap di Jalan 1, Taman Desa Jaya, Kepong. SP5 dan SP6 serta D/L/Kpl Adzreen telah mengambil tempat di kawasan masjid Taman Desa Jaya.

[9] Pada kira-kira pukul 7.15 petang, sebuah motosikal jenis RGV Suzuki dengan nombor pendaftaran WFD 3586 yang ditunggangi oleh seorang lelaki Cina telah berhenti di hadapan rumah nombor 28, Jalan 1, Taman Desa Jaya. SP5 telah keluar dari kawasan masjid dikuti oleh SP6 dan D/L/Kpl Adzreen. SP5 telah menghampiri lelaki itu dan memperkenalkan dirinya sebagai polis dan menangkap lelaki Cina itu. Ketika itu, enjin motosikal sudah dimatikan dan lelaki Cina itu sudah turun dari motosikal.

[10] SP5 telah memeriksa raga di bahagian hadapan motosikal WFD 3586 dan mendapati satu beg kertas bercop *Blue Max Jeans* (P10). Di dalam beg kertas itu terdapat satu beg plastik berwarna merah (P11) yang mengandungi dua paket lutsinar (P12 dan P13) berisi ketulan dan serbuk merah jambu yang disyaki oleh SP5 merupakan dadah heroin. Pemeriksaan badan lelaki Cina itu telah juga dibuat tetapi tiada dadah dijumpai. Lelaki Cina itu didapati bernama Hua Tean Ning. Tertuduh telah dicamkan oleh SP5 sebagai Hua Tean Ning yang dimaksudkan itu.

[11] Selain beg kertas P10 dan kandungannya yang ditemui dalam raga motosikal, SP5 telah juga menyita satu telefon bimbit Nokia (P17) dan lima keping wang RM100 (P18). Turut disita ialah dua batang anak kunci motosikal (P21) dan motosikal WFD 3586 (P22) dan seutas rantai leher warna emas (P20).

[12] Bahan yang terkandung dalam P12 dan P13 telah dihantar ke Jabatan Kimia untuk dianalisis dan analisis telah dijalankan oleh Puan Halimah bte Abdul Rahim (SP4), iaitu seorang ahli kimia dalam perkhidmatan Kerajaan Malaysia, yang mendapati heroin dan monoacetylmorphines dalam bahan itu, seberat yang dinyatakan dalam pertuduhan.

Beban Pembuktian

[13] Pada penutup kes pendakwaan, mahkamah perlu menentukan sama ada pihak pendakwa telah membuktikan kes prima facie terhadap tertuduh atas pertuduhan yang dikemukakan.

[14] Dalam kes *Balachandran v Public Prosecutor* [2005] 2 MLJ 301, Mahkamah Persekutuan mengatakan bahawa (di ms 315):

> … the court must, at the close of the case for the prosecution, undertake a positive evaluation of the credibility and reliability of all the evidence adduced so as to determine whether the elements of the offence have been established.

Mahkamah Persekutuan seterusnya mengatakan bahawa (di ms 316):

> The test at the close of the case for the prosecution would therefore be: If the evidence sufficient to convict the accused if he elects to remain silent? If the answer is in the affirmative then a *prima facie* case has been made out. This must, as of necessity, require a consideration of the existence of any reasonable doubt in the case for the prosecution. If there is any such doubt there can be no *prima facie* case.

[15] Oleh yang demikian, berdasarkan ujian yang digariskan oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Balachandran v Public Prosecutor* itu, saya perlu menilai secara maksimum keterangan yang telah dikemukakan oleh pihak pendakwa sehingga kes pendakwaan ditutup untuk melihat sama ada kes prima facie sudah dibuktikan terhadap tertuduh dalam kes ini.

Perkara Yang Perlu Dibuktikan

[16] Untuk membuktikan pertuduhan yang telah dihadapkan terhadap tertuduh, pihak pendakwa perlu membuktikan bahawa tertuduh mengedar ('traffick') sesuatu benda pada tarikh dan masa dan di tempat yang dikatakan dalam pertuduhan. Benda itu mestilah suatu dadah berbahaya seperti yang ditakrifkan dalam Akta Dadah Berbahaya 1952 ('ADB') yang beratnya adalah seperti yang dinyatakan dalam pertuduhan.

Penilaian Kes Pendakwaan

Kecacatan Pertuduhan — Isu 'mixed heroin'

[17] Sebelum membincangkan isu-isu yang lain, saya perlu terlebih dahulu membincangkan hujah peguam bela bahawa terdapat kecacatan yang serius pada pertuduhan. Kata beliau, tidak terdapat dadah berbahaya seperti yang disebut dalam pertuduhan, iaitu 'campuran heroin dan monoacetylmorphines'. Untuk itu, beliau telah bergantung pada keputusan Mahkamah Tinggi dalam kes *Public Prosecutor v Tan Ann Chye* [2003] 5 MLJ 1 kerana dalam kes itu juga tertuduh dibicarakan atas pertuduhan yang menyebut *Public Prosecutor v Tan Ann Chye* [2003] 5 MLJ 1. YA Hakim dalam kes itu telah memberikan terjemahan 'mixed heroin' untuk istilah 'campuran heroin' dan memutuskan bahawa tiada dadah berbahaya yang menepati perihal sedemikian.

[18] Pertuduhan dalam kes ini, seperti juga dalam kes *Public Prosecutor v Tan Ann Chye*, menyebut 'campuran heroin dan monoacetylmorphines'. Oleh yang demikian, istilah yang relevan ialah keseluruhan frasa itu, iaitu 'campuran heroin dan monoacetylmorphines', bukan 'campuran heroin' semata-mata.

[19] Bahasa Melayu menggunakan apa yang disebut 'hukum D-M', iaitu apa yang diterangkan ('D') disebut dahulu dan apa yang menerangkan ('M') disebut kemudian. Maka, dalam bahasa Melayu kata nama atau frasa nama, atau kata kerja atau frasa kerja, contohnya, akan disebut dahulu dan kemudian baru disebut kata atau frasa yang menerangkannya. Ini dihuraikan dalam buku Nik Safiah Karim et al (1993) *Tatabahasa Dewan* (Edisi Baru), Kuala Lumpur; Dewan Bahasa dan Pustaka.

[20] Dalam frasa 'campuran heroin dan monoacetylmorphines' perkataan 'campuran' ialah kata nama terbitan, yang diterangkan dengan frasa nama 'heroin dan monoacetylmorphines'. Oleh itu, 'campuran' perlu diberi padanan kata nama juga, iaitu 'mixture', bukan 'mixed'. Perkataan 'campuran', mengikut *Kamus Dewan* (Edisi Ketiga), bererti, antara lain 'benda-benda yang dicampurkan'. Sesuatu itu tidak akan menjadi 'campuran' atau 'mixture' jika hanya terdiri daripada satu jenis benda sahaja. Jelas daripada pertuduhan dalam kes ini bahawa benda-benda yang 'dicampurkan' itu ialah heroin dan monoacetylmorphines. Oleh itu, padanan sebenar dalam bahasa Inggeris bagi ungkapan 'campuran heroin dan monoacetylmorphines' ialah 'a mixture of heroin and monoacetylmorphines'.

[21] Pertuduhan itu pula memberikan dengan jelas berat heroin dan monoacetylmorphines, setiap satunya, yang berada dalam campuran yang berkenaan. Oleh itu, jelas bahawa dadah berbahaya yang menjadi hal perkara pertuduhan ialah heroin dan monoacetylmorphines yang masing-masingnya seberat yang dinyatakan dalam pertuduhan itu.

Kesimpulan

[22] Oleh yang demikian, saya mendapati bahawa tidak ada kecacatan dalam pertuduhan seperti yang dihujahkan oleh peguam bela itu.

'DADAH BERBAHAYA'

Adakah heroin dan monoacetylmorphines itu dadah berbahaya?

[23] Tertuduh dipertuduh mengedar dadah berbahaya. Istilah 'dadah berbahaya' ('dangerous drug') ditakrifkan dalam s 2 ADB seperti yang berikut:

> 'dangerous drug' means any drug or substance which is for the time being comprised in the First Schedule;
>
> ('dadah berbahaya' ertinya dadah atau bahan yang pada masa itu terkandung dalam Jadual Pertama;)

[24] Heroin dan monoacetylmorphines yang menjadi hal perkara pertuduhan memang merupakan dadah yang disenaraikan dalam Bahagian III Jadual Pertama kepada ADB.

Adakah dadah dalam P12 dan P13 itu heroin dan monoacetylmoryhines?

[25] Keterangan ahli kimia SP4 tentang identiti dan berat dadah dalam P12 dan P13 telah dipertikaikan oleh peguam bela, khususnya berkaitan dengan isu s 37(j) ADB.

A **[26]** Menurut SP4 beliau telah menimbang P12 dan kandungannya dan setelah menolak berat paket plastik yang dikosongkan, beliau mendapati bahawa berat bersih serbuk dan ketulan merah jambu dalam P12 ialah 462.6g. Berat bersih serbuk dan ketulan merah jambu yang terdapat dalam P13 pula ialah 462g.

B **[27]** SP4 kemudiannya telah mengisar kesemua serbuk dan ketulan merah jambu dari P12 selama lima minit sehingga menjadi serbuk yang homogen. Beliau seterusnya telah mengambil tiga sampel perwakilan untuk ujian warna. Hasil tiga ujian warna yang dilakukan menunjukkan bahawa heroin dan monoacetylmorphines ada dalam serbuk dan ketulan merah jambu itu dan bahawa heroin dan monoacetylmorphines itu hadir dalam bentuk garam klorida ('chloride').

C

[28] Beliau kemudian mengambil satu sampel perwakilan dan menjalankan ujian 'thin layer chromatography' (TLC) pada sampel itu. Beliau mendapati bahawa heroin dan monoacetylmorphines ada dalam serbuk dan ketulan merah jambu itu.

D **[29]** Seterusnya, 12 sampel perwakilan telah diambil dan ujian gas chromatograph telah dijalankan ke atasnya. Setelah pengiraan mengikut kaedah statistik dibuat, beliau mendapati bahawa serbuk dan ketulan merah jambu dalam P12 mengandungi 6.2g heroin dan 24.9g monoacetylmorphines.

E **[30]** SP4 telah mengambil satu sampel perwakilan untuk ujian menggunakan 'Gas Chromatograph Mass Spectrometer' (GCMS) dan keputusannya menunjukkan seluruh bahan ketulan dan serbuk merah dalam P12 mengandungi heroin dan monoacetylmorphines.

F **[31]** Ujian-ujian yang serupa telah dijalankan ke atas bahan serbuk dan ketulan merah jambu dari P13 dan hasil analisis menunjukkan terdapat 6.1g heroin dan 24.8g monoacetylmorphines dalam bahan serbuk dan ketulan merah jambu dari P13 itu.

Isu analisis tidak dijalankan 100% dan tidak menepati s 37(j) ADB

G

[32] SP4 mengakui bahawa beliau tidak bergantung pada peruntukan s 37(j) ADB dalam analisisnya terhadap kandungan P12 dan P13. Peguam bela mengatakan bahawa SP4 perlu mematuhi perenggan itu dan dengan itu perlu menganalisis sekurang-kurangnya 10% daripada bahan serbuk dan ketulan dalam P12 dan P13. **H** SP4 bertegas bahawa beliau tidak bergantung pada perenggan itu kerana beliau telah menganalisis P12 dan P13 kedua-duanya, iaitu 100% daripada bekas atau 'receptacle'.

[33] Peguam bela bergantung pada kes *Loo Kia Meng v Public Prosecutor* [2000] 3 **I** MLJ 664, dan kes *Public Prosecutor v Tan Ann Chye* yang dipetik di atas, untuk mengatakan bahawa s 37(j) ADB menghendaki analisis dibuat terhadap 10% daripada bahan yang terkandung dalam P12 dan P13.

[34] Seksyen 37(j) ADB berbunyi seperti yang berikut: A

> (j) when any substance suspected of being a dangerous drug has been seized and such substance is contained in *a number of receptacles*, it shall be sufficient to analyse *samples* of the contents of a *number not less than ten per centum of such receptacles* and if such analysis establishes that such samples are all of the same nature and description, it shall be presumed, until the contrary is proved, that the contents of *all the receptacles* were of the same nature B and description as the *samples* so analysed and if such analysis establishes that such *samples* consist of or contain a dangerous drug, it shall be presumed, until the contrary is proved, that the contents of *all the receptacles* consist of or contain the same *proportion* of such drug. (Penekanan ditambah.)

C

[35] Dalam kes *Public Prosecutor v Tan Ann Chye* Mahkamah Tinggi telah memetik apa yang dikatakan oleh YAA Thomson KHN, semasa menyampaikan keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes *Au Ah Lin v Public Prosecutor* [1963] MLJ 365 tentang tafsiran s 61 Akta Eksais 1961. Seksyen 61 itu (seperti yang dipetik dalam kes *Au Ah Lin*) berbunyi seperti yang berikut:

D

> When any goods suspected of being dutiable or otherwise liable to seizure have been seized, it shall be sufficient to open, examine, and if necessary to test the contents of ten per centum only of each description of package or receptacle in which such goods are contained, and the Court shall presume that the goods in the unopened packages or receptacles are of the same nature, quantity and quality as those found in the similar packages or receptacles which have been opened. E

[36] YAA Thomson KHN, seterusnya telah berkata dalam kes *Au Ah Lin* itu bahawa:

> In our view section 61 does not require that samples be taken of the contents of every F package or container which is in question. The samples shall be 10% of the packages or containers and when that is done the presumption mentioned in the section as to the contents of all the packages arises. In our view, the section does not require the taking of any particular quantity. That is abundantly clear on the reading of the section itself. The words 'ten per centum' refer to the packages, not to the contents of each package.

G

[37] Sama ada yang perlu dilakukan iaiah membuka dan memeriksa seperti yang dikehendaki oleh s 61 Akta Eksais 1961, atau menganalisis, seperti yang dikehendaki dalam s 37(j) ADB, fokus atau tumpuan kedua-dua peruntukan statut itu tetap sama, iaitu 10% daripada jumlah bekas atau bungkusan.

H

[38] Malah, dalam hal s 37(j) ADB, yang perlu dianalisis bukanlah kandungan 10% bekas, tetapi 'samples of the contents' sahaja.

[39] Kes *Au Ah Lin* ini tidak dirujuk dalam kes *Loo Kia Meng v Public Prosecutor*, tetapi telah dirujuk dan diikuti dalam kes *Gunalan a/l Ramachandran & Ors v PP* I [2004] 4 MLJ 489. Semasa menyampaikan keputusannya, YA Abdul Hamid Mohamad HMR (ketika itu) berkata (di ms 516–517):

> I am unable to find any provision in the Act that requires the actual weight of the samples taken must be given in evidence. All that the section says is that, if 'such substance is

contained in a number of receptacles, it shall be sufficient to analyse samples of the contents of a number not less than ten per centum of *such receptacles*… '. (Emphasis added.) The 10% refers to the number of receptacles, not the total net weight in all receptacles or in each receptacle. This had been made clear by the Federal Court since 1963 in *Au Ah Lin v PP* [1963] MLJ 365. It is unfortunate that neither *Au Ah Lin v Public Prosecutor* (FC), nor *Public Prosecutor v Lam Sam* [1991] 3 MLJ 426 (SC) was brought to the attention of the court. Even s 37(j) which was mentioned in the judgment was not reproduced for closer scrutiny.

In the circumstances, with greatest respect, I am unable to follow *Leong Bon Huat v Public Prosecutor* [1993] 3 MLJ 11 and *Loo Kia Meng v PP* [2000] 3 MLJ 664. Instead I prefer to follow *Au Ah Lin v Public Prosecutor* and *Public Prosecutor v Lam Sam.*

Kes *Lam Sam* yang disebut dalam petikan di atas ialah keputusan Mahkamah Agung yang dilaporkan dalam [1991] 3 CLJ 2410.

[40] Mahkamah Rayuan dalam kes *Public Prosecutor v Ooi Teng Chian* [2006] 1 MLJ 213 telah bersetuju dengan YA Abdul Hamid HMR (ketika itu) dalam kes *Gunalan a/l Ramachandran* itu.

Isu keterangan SP4 tentang identiti dan berat dadah yang ditemui dalam P12 dan P13

[41] Semasa SP4 diperiksa balas, peguam bela telah mempertikaikan kesimpulan SP4 tentang identiti dan berat dadah berbahaya yang ditemui dalam P12 dan P13, khususnya tentang sama ada bahan yang sudah dikisar selama lima minit dalam makmal itu sudah homogen. SP4 bersetuju bahawa ada ujian untuk 'homogeneity' dan beliau tidak membuat ujian itu. Namun SP4 tidak bersetuju bahawa ujian itu perlu dilakukan atau bahawa bahan yang telah dikisar itu tidak homogen.

[42] Setelah meneliti keterangan SP4 saya berpuas hati bahawa tiada apa-apa asas untuk menolak keterangan SP4 bahawa bahan dari P12 dan P13 itu telah dijadikan serbuk yang homogen.

[43] Dalam kes *Public Prosecutor v Lam Sam* [1991] 3 MLJ 426 yang telah disebut di atas, YAA Hashim Yeop A Sani HB (Malaya), ketika menyampaikan keputusan Mahkamah Agung, telah merujuk kepada keputusan mahkamah itu dalam kes *Munusamy v Public Prosecutor* [1987] 1 MLJ 492 tentang fungsi ahli kimia dalam kes-kes dadah berbahaya, memetik kata Mahkamah Agung dalam kes *Munusamy* (di ms 428):

We are therefore of the view, that in this type of cases where the opinion of the chemist is confined only to the elementary nature and identity of substance, the court is entitled to accept the opinion of the expert on its face value, unless it is inherently incredible or the defence calls evidence in rebuttal by another expert to contradict the opinion. So long as some credible evidence is given by the chemist to support his opinion, there is no necessity for him to go into details of what he did in the laboratory, step by step.

[44] YAA Hashim Yeop A Sani HB (Malaya), seterusnya berkata bahawa (di ms 428):

Two things are implicit in that passage. First, unless the evidence is so inherently incredible that no reasonable person can believe it to be true, it should be accepted as prima facie evidence. Secondly, so long as the evidence is credible, there is no necessity for the chemist to show in detail what he did in his laboratory.

In our view, the evidence of the chemist in this case was more than sufficient as basis to call for the defence, granted that all the other ingredients of the offence had been successfully proved.

The evidence of the chemist must be looked at in its totality. Seen in its totality, the evidence of the chemist in this case is not sketchy at all. There is no need for him to say what instrument he used for the purpose of the analysis or that the instrument was in good working condition as we have to assume until the contrary is shown that he had the proper instrument to carry out his work. In this case he had even gone to the extent of giving a margin of error and had given the benefit of the doubt to the respondent.

Kesimpulan

[45] Berdasarkan perbincangan di atas, jelas bahawa tiada kehendak undang-undang untuk SP4 menganalisis 10% semua kandungan P12 dan P13. Jelas juga bahawa dengan SP4 menganalisis sampel perwakilan daripada kedua-dua 'receptacle', iaitu P12 dan P13, maka beliau tidak, dan tidak perlu, bergantung pada s 37(j) ADB.

[46] Saya juga berpuas hati daripada keterangan yang diberikan oleh SP4 seperti yang disebut dalam perenggan 27 hingga 32 di atas bahawa keterangan yang 'credible' telah diberikan oleh SP4 tentang analisis yang dijalankan olehnya sehingga membolehkan beliau membuat rumusan bahawa bahan dalam P12 dan P13 itu ialah heroin dan monoacetylmorphines seberat yang disebut dalam pertuduhan.

[47] Oleh yang demikian, identiti dan berat heroin dan monoacetylmorphines seperti dalam pertuduhan telah berjaya dibuktikan secara prima facie oleh pihak pendakwa.

PENGEDARAN

Keterangan secara langsung tentang pengedaran

[48] Dalam kes ini, tidak terdapat apa-apa keterangan tentang transaksi yang secara langsung dapat menunjukkan aktiviti 'trafficking' mengikut makna lazim istilah itu. Satu-satunya keterangan yang mengaitkan Tertuduh dengan beg kertas P10 yang di dalamnya terdapat P11 yang mengandungi P12 dan P13 yang mengandungi dadah heroin dan monoacetylmorphines yang disebut dalam pertuduhan ialah bahawa tertuduh telah menunggang motosikal P22 yang di dalam raganya terdapat P10 itu. SP5 dan SP6 serta D/L/Kpl Adzreen telah mendekati tertuduh selepas dia memberhentikan motosikalnya dan turun dari motosikalnya. Tertuduh tidak ada, pada bila-bila masa pun, dilihat oleh SP5 atau SP6 menyentuh atau berbuat apa-apa pada beg kertas P10 dalam raga motosikalnya.

[49] Tanpa keterangan yang secara langsung dapat menunjukkan aktiviti pengedaran, maka sesuatu pertuduhan bagi pengedaran akan hanya dapat dibuktikan

jika pihak pendakwa dapat menggunakan anggapan dalam s 37(da) ADB. Oleh sebab keputusan Mahkamah Persekutuan dalam kes *Muhammed bin Hassan v Public Prosecutor* [1998] 2 MLJ 274 dalam kes *PP v Tan Tatt Eek & Other Appeals* [2005] 2 MLJ 685, maka pihak pendakwa tidak dapat bergantung pada anggapan atas anggapan, iaitu pada anggapan dalam s 37(d) ADB dan seterusnya pada anggapan dalam s 37(da).

[50] Dalam kes *Muhammad bin Hassan v Public Prosecutor*, Mahkamah Persekutuan berkata (di ms 288–289):

> In our view, to constitute 'possession' under s 37 (da) of the Act, so as to be capable of forming one of the ingredients thereunder thereby giving rise to the presumption of trafficking, there must be an express affirmative finding (as opposed to legal presumption) of possession as understood in criminal law, based on evidence.

[51] Oleh yang demikian, untuk dapat bergantung pada anggapan dalam s 37(da) ADB, pihak pendakwa perlulah membuktikan bahawa tertuduh mempunyai milikan sebenar dadah berbahaya yang menjadi hal perkara pertuduhan.

[52] Bagi membuktikan tertuduh ada milikan sebenar pula, pihak pendakwa perlu membuktikan bahawa tertuduh mempunyai kawalan atau jagaan ke atas dadah berbahaya itu dan pengetahuan tentangnya.

Pengetahuan ('knowledge')

[53] Bagi menunjukkan bahawa tertuduh tahu tentang kewujudan dadah berbahaya dalam beg kertas P10 dalam raga motosikal yang ditunggangi oleh tertuduh, SP5 mengatakan bahawa 'apabila saya perkenalkan diri sebagai polis, lelaki Cina itu dalam keadaan terkejut. Air mukanya berubah. Dia pucat dan saya kemudian tahan lelaki Cina itu'.

[54] Tertuduh dalam kes ini memang berkulit cerah, dan semasa pemeriksaan balas SP5 mengaku bahawa tertuduh berkulit cerah. Kejadian berlaku semasa senja. Ada kemungkinan bahawa SP5 silap tentang perihal pucatnya muka tertuduh seperti yang dikatakan olehnya.

[55] Jika benar pun air muka tertuduh berubah dan tertuduh menjadi pucat apabila SP5, SP6 dan D/L/Kpl Adzreen menghampirinya dan SP5 mengenalkan diri sebagai polis, pada hemat saya itu tidak menjadi bukti bahawa tertuduh tahu tentang kandungan P12 dan P13 yang terkandung dalam P10. Dalam kes *Taib bin Mohamad v Public Prosecutor* [2002] 3 MLJ 476, YA KC Vohrah HMR yang menyampaikan keputusan Mahkamah Rayuan telah memetik apa yang dikatakan oleh Mahkamah Agung dalam kes *Abdullah bin Yusof v Public Prosecutor* [1993] 4 CLJ 1, iaitu:

> The conduct of the appellant in running away when the discovery of the drugs was announced was consistent with his having known of the presence of the drugs in the box before their discovery, indicating thereby a sense of guilt. On the other hand it was conduct equally consistent with the appellant being in a state of panic. An innocent man faced with the prospect of arrest on a capital charge might foolishly act in that way.

[56] Kalau perbuatan melarikan diri pun tidak dikira cukup oleh Mahkamah Agung untuk menunjukkan pengetahuan tentang dadah berbahaya yang berkenaan, apatah lagi hanya apa yang dikatakan riak muka yang pucat atau ketakutan. Jika pada suatu senja seseorang yang baru saja meletakkan motosikalnya dan membuka topi keledarnya tiba-tiba didatangi oleh tiga orang yang mengatakan dirinya polis, tidak mustahil dia akan terkejut dan air mukanya berubah, dan mungkin juga menjadi pucat dan/atau takut.

Kesimpulan

[57] Saya mendapati bahawa pihak pendakwa telah gagal untuk membuktikan bahawa tertuduh tahu bahawa dia membawa dadah berbahaya dalam beg kertas P10 yang berada dalam raga motosikal yang ditungganginya. Tanpa pengetahuan itu maka tiadalah milikan sebenar dan oleh yang demikian anggapan di bawah s 37(da) ADB tidak berbangkit.

[58] Tanpa anggapan di bawah s 37(da) ADB, maka kesalahan mengedar dadah berbahaya seperti yang dinyatakan dalam pertuduhan telah gagal dibuktikan secara prima facie oleh pihak pendakwa.

Anggapan pemilikan di bawah s 37(d) ADB

[59] Yang jelas terbukti di hadapan mahkamah ini ialah bahawa tertuduh menunggang motosikal yang berkenaan seorang diri. Beg kertas P10 yang di dalamnya ada P12 dan P13 berada dalam raga yang terbuka di bahagian hadapan motosikal itu. Tiada orang lain berada bersama atau berdekatan dengan tertuduh. Prima facie, dialah yang mempunyai jagaan dan milikan eksklusif ke atas beg kertas dan kandungannya yang berada dalam raga motosikal itu. Menurut s 37(d) ADB:

> (d) any person who is found to have had in his custody or under his control anything whatsoever containing any dangerous drugs shall, until the contrary is proved, be deemed to have been in possession of such drug and shall, until the contrary is proved, be deemed to have known of the nature of such drug.

[60] Telah dihujahkan di hadapan saya oleh peguam bela bahawa motosikal yang ditunggangi oleh tertuduh bukanlah 'anything whatsoever containing dangerous drugs' dan oleh itu anggapan dalam s 37(d) ADB tidak berbangkit. Rujukan telah dibuat kepada kes *Public Prosecutor v Lin Lian Chen* [1992] 2 MLJ 561, iaitu keputusan Mahkamah Agung yang antara lain mengatakan (di ms 567) bahawa:

> In the first place, we would respectfully agree with the proposition of law enunciated by Thomson J (as he then was) in *Tong Peng Hong v PP*, that a vehicle in which a drug is carried does not ipso facto fall within the words 'anything whatsoever containing any dangerous drug' and therefore in such a case, the presumption contained in s. 37(d) does not arise.

[61] Persoalan yang serupa dengan persoalan tentang s 37(d) ADB seperti yang dibincangkan dalam kes *Lin Lian Chen* telah juga telah dibincangkan oleh YA Augustine Paul HMT (ketika itu) dalam kes *Public Prosecutor v Letchumanan*

A [2000] 4 MLJ 449. Kes *Letchumanan* pula telah dirujukkan kepada Mahkamah Rayuan dalam kes *Arumugam Periasamy v Public Prosecutor* [2005]3 CLJ 685. Sebagai jawapan, Mahkamah Rayuan berkata (di ms 691):

> For our part, we find the closeness of the appellant to the package is sufficient evidence to warrant the inference of custody and control and that independent of presumption.

B

[62] Dalam kes *Arumugam Periasamy* itu, dadah telah dijumpai dalam bungkusan di dalam raga motosikal di bahagian hadapan motosikal yang ditunggangi seorang diri oleh tertuduh.

C

[63] Dalam kes *Surentheran a/l Selvaraja v Public Prosecutor* [2006] 1 MLJ 641, Mahkamah Rayuan telah juga bemadapan dengan isu anggapan di bawah s 37(d) ADB. Dalam kes itu, beg plastik yang mengandungi dadah berbahaya ditemui di lantai di hadapan tempat duduk pemandu dan daripada gambar yang dikemukakan, Mahkamah Rayuan membuat kesimpulan bahawa beg plastik itu terletak di antara dua kaki pemandu apabila pemandu duduk dengan cara biasa di tempat duduk pemandu. Mahkamah Rayuan mendapati bahawa kalaupun pengetahuan tidak dapat dibuktikan, anggapan di bawah s 37(d) boleh digunakan kerana Mahkamah Rayuan berkata (di ms 647) bahawa mahkamah itu berpuas hati 'that the appellant had in his custody or in his control the bag and the packets containing the drug. The presumption is mandatory although rebuttable presumption.'

D

E

[64] Saya percaya fakta dalam kes *Lin Lian Chen* itu dapat dibezakan daripada fakta dalam kes di hadapan saya ini. Dalam kes *Lin Lian Chen* itu, bungkusan akhbar yang mengandungi dadah berbahaya telah ditemui dalam petak simpanan barang kecil ('glove compartment') dan di lantai tempat duduk penumpang di kiri, sebelah belakang, iaitu kedudukan yang tidak dalam pandangan tertuduh selaku pemandu kereta yang berkenaan.

F

G **[65]** Dalam kes di hadapan saya, beg kertas P10 yang mengandungi beg plastik P11 yang seterusnya mengandungi paket plastik lutsinar P12 dan P13 itu berada dalam raga terbuka betul-betul di hadapan tertuduh, dan tertuduh seorang diri menunggang motosikal itu dan seorang diri berada di tempat kejadian sewaktu ditangkap, sama seperti dalam kes *Arumugam Periasamy*.

H

Kesimpulan

[66] Disebabkan hal keadaan kedudukan tertuduh berkaitan dengan beg kertas P10, beg plastik P11 dan paket-paket plastik P12 dan P13 yang mengandungi dadah berbahaya yang menjadi hat perkara pertuduhan, maka saya berpuas hati bahawa Tertuduh mempunyai jagaan dan milikan eksklusif terhadap paket-paket plastik P12 dan P13yang terkandung dalam P11 dalam beg kertas P10 itu.

I

[67] Oleh yang demikian, saya berpuas hati bahawa anggapan di bawah s 37(d) ADB telah berbangkit berkenaan dengan dadah berbahaya dalam P12 dan P13 itu.

KEPUTUSAN PADA AKHIR KES PENDAKWAAN

[68] Pada penutup kes pendakwaan, saya telah memutuskan bahawa pihak pendakwa telah tidak berjaya membuktikan kes prima fade bagi kesalahan di bawah s 39B ADB yang dipertuduhkan terhadap tertuduh. Walau bagaimanapun, kes prima facie telah dibuktikan bagi kesalahan pemilikan dadah berbahaya yang berkenaan di bawah sub-s 12(3) sub-s 12(3) ADB yang boleh dihukum di bawah sub-s 39A(2) sub-s 39A(2) ADB.

[69] Dengan itu, suatu pertuduhan pindaan iaitu bagi kesalahan di bawah sub-s 12(3) ADB yang boleh dihukum di bawah sub-s 39A(2) ADB, telah dirangka oleh mahkamah dan dibacakan dan diterangkan kepada tertuduh dan dipastikan tertuduh faham. Tertuduh telah meminta dibicarakan.

KES PEMBELAAN

Isu Kecacatan Pertuduhan Pindaan

[70] Sebelum membincangkan keterangan yang dikemukakan dalam peringkat pembelaan, wajar saya sentuh dahulu isu yang dibangkitkan oleh peguam bela pada akhir keseluruhan kes tentang pertuduhan pindaan.

[71] Peguam bela mempertikaikan rujukan kepada kesalahan di bawah sub-s 12(3) ADB yang dinyatakan dalam pertuduhan pindaan. Hujah beliau, pertuduhan pindaan perlu merujuk kepada kesalahan di bawah sub-s 12(2) yang boleh dihukum di bawah sub-s 12(3) ADB. Peguam bela mengatakan bahawa kesalahan memiliki dadah adalah dalam sub-s 12(2) dan bukan 12(3) ADB. Namun tiada autoriti selain s 152 Kanun Tatacara Jenayah ('KTJ') telah dikemukakan. Malah, sebelum kes pembelaan dimulakan, timbalan pendakwa raya telah cuba untuk mengemukakan pindaan kepada pertuduhan pindaan bagi menggantikan rujukan kepada sub-s 12(3) dengan rujukan kepada sub-s 12(2).

[72] Subseksyen 12(2) dan 12(3) ADB berbunyi seperti yang berikut:

> (2) No person shall have in his possession, custody or control any dangerous drug to which this Part applies unless he is authorized to be in possession, custody or control of such drug or is deemed to be so authorized under this Act or the regulations made thereunder.
>
> (3) *Any person who contravenes the provisions of subsection (2) of this section shall be guilty of an offence against this Act* and shall be liable on conviction to a fine not exceeding one hundred thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding five years or to both. (Penekanan ditambah).

[73] Subseksyen 152(1) KTJ mengatakan bahawa setiap pertuduhan di bawah KTJ hendaklah menyatakan kesalahan yang dipertuduhkan terhadap Tertuduh. Subseksyen 152(3) KTJ pula mengatakan bahawa jika undang-undang yang

A mewujudkan kesalahan itu tidak memberinya apa-apa nama khusus, maka sekian banyak daripada takrif kesalahan itu hendaklah dinyatakan bagi memberi tertuduh notis tentang perkara yang dengannya dia dipertuduh. Subseksyen 152(4) KTJ menyatakan bahawa undang-undang dan seksyen dalam undang-undang yang terhadapnya kesalahan itu dikatakan telah dilakukan hendaklah disebut dalam
B pertuduhan.

[74] Pertuduhan pindaan yang dirangka dan dibacakan kepada Tertuduh pada akhir kes pendakwaan menyatakan bahawa dia dipertuduh memiliki dadah berbahaya. Jenis dan berat dadah itu ada dinyatakan. Inilah inttpati dalam
C sub-s 12(2) ADB. Pada hemat saya, itu sudah mencukupi untuk memberi notis kepada Tertuduh tentang perkara yang dengannya dia dipertuduh, iaitu seperti yang dikehendaki oleh sub-s 152(3) KTJ.

[75] Sebagaimana yang dipetik di atas, sub-s 12(2) ADB tidak menyebut apakah
D kesan atau akibat apa-apa ketidakpatuhan larangan dalam subseksyen 12(2) itu. Jika sub-s 12(2) ADB dibaca sendirian, *tidak ada kesalahan diwujudkan.* Kesalahan hanya wujud bersama dengan hukuman dalam sub-s 12(3) ADB.

[76] Subseksyen 12(3)-lah yang mengatakan bahawa jika seseorang melanggar
E peruntukan (yakni larangan) dalam sub-s 12(2) ADB, maka dia nnelakukan kesalahan dan jika disabitkan hukumannya iaiah denda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya. Jelas bahawa sub-s 12(3) bukanlah peruntukan hukuman semata-mata. Malah, itulah peruntukan yang mewujudkan kesalahan bagi pemilikan dadah berbahaya yang dilarang dalam sub-s 12(2) ADB itu.
F

[77] Pertuduhan pindaan yang dirangka dan dibacakan kepada Tertuduh pada akhir kes pendakwaan menyebut sub-s 12(3) ADB, iaitu undang-undang dan seksyen dalam undang-undang yang terhadapnya kesalahan dikatakan telah dilakukan. Selain itu, pertuduhan pindaan itu juga ada menyebut sub-s 39A(2) ADB, yang
G merupakan peruntukan undang-undang yang mengenakan Tertuduh kepada liabiliti hukuman lebih berat apabila berat dadah berbahaya yang menjadi hal perkara pertuduhan mencapai atau melebihi tahap yang dinyatakan dalam subseksyen itu. Oleh yang demikian, saya berpendapat bahawa pertuduhan pindaan itu telah mematuhi kehendak dalam sub-s 152(4) KTJ.
H

[78] Walaupun tiada autoriti dalam bentuk kes dikemukakan, saya menyedari apa yang dikatakan oleh Mahkamah Rayuan dalam kes *Public Prosecutor v Tang Kheng Teong & Anor* [1997] 3 MLJ 637di ms 640. Dalam kes itu, pada akhir kes pendakwaan, hakim bicara telah meminda pertuduhan daripada pertuduhan
I di bawah s 39B ADB kepada pertuduhan di bawah sub-s 12(2) dan 12(3) ADB, yang boleh dihukum di bawah sub-s 39A(2) ADB. Ulasan atau komen Mahkamah Rayuan ialah bahawa:

> Even this, in our view, is not quite correct as sub-s (3) of s 12 of the Act is a punishable section and not the commission section.

[79] Namun, saya perhatikan bahawa ulasan itu bukanlah merupakan isu yang perlu diputuskan dalam kes yang berkenaan kerana isu dalam kes itu ialah (i) sama ada hakim bicara telah bertindak dengan wajar apabila beliau menolak keterangan ahli kimia, dan (ii) sama ada pihak pendakwa boleh merayu terhadap sabitan apabila tertuduh telah mengaku bersalah. Oleh yang demikian, dengan rendah diri saya membuat kesimpulan bahawa apa yang dikatakan oleh Mahkamah Rayuan itu hanyalah ulasan semata-mata dan bukan keputusan yang mengikat.

Kesimpulan

[80] Saya berpuas hati bahawa tiada kecacatan wujud dalam pertuduhan pindaan dan sub-s 152(1), (3) dan (4) KTJ telah dipatuhi.

PERJALANAN KES PEMBELAAN

[81] Untuk pembelaan tertuduh, dia dan seorang lagi saksi bernama Thong Wai Keat (SD2) telah memberikan keterangan.

BEBAN PADA TERTUDUH

[82] Pertuduhan pindaan yang dihadapi oleh tertuduh pada peringkat ini diasaskan pada anggapan di bawah s 37(d) ADB. Oleh yang demikian, mengikut keputusan Privy Council dalam kes *Public Prosecutor v Yuvaraj* [1969] 2 MLJ 89, kes *Mohamad Radhi bin Yaakob v Public Prosecutor* [1991] 3 MLJ 169, dan kes-kes lain yang seumpamanya, beban yang terletak pada tertuduh untuk mematahkan anggapan di bawah s 37(d) ADB, adalah berdasarkan imbangan kebarangkalian.

[83] Pada asasnya, fakta kes seperti yang diceritakan oleh SP5 dan SP6 tidak dipertikaikan oleh tertuduh, kecuali dia menafikan bahawa motosikal P22 dan beg kertas P10 serta kandungan beg itu adalah miliknya dan menafikan juga bahawa dia tahu tentang kandungan beg kertas P10 itu

PEMILIKAN P22

[84] Tertuduh menafikan motosikal P22 itu miliknya. Katanya, motosikal itu kepunyaan rakannya Ah Chai.

[85] Menurut tertuduh, pada hari kejadian, pada jam antara 5-6 petang, dia telah menerima panggilan telefon daripada Ah Chai, mengajaknya pergi minum di Taman Indah Perdana, Kepong. Dia telah pergi ke tempat itu dengan teksi kerana keretanya telah terlibat dalam suatu kemalangan kira-kira dua minggu sebelum hari kejadian. Laporan polis bagi kemalangan itu telah dikemukakan sebagai D28. Kereta itu telah dihantar ke bengkel dan berada di bengkel selama empat hingga lima bulan. Keterangan tentang kemalangan kereta tertuduh itu tidak dicabar semasa pemeriksaan balas.

[86] Sebelum keluar minum, tertuduh telah menelefon SD2 yang hanya dikenalinya dengan nama Ah Keat, mengajaknya pergi minum bersama. Ah Chai sudah berada di tempat minum yang berkenaan apabila tertuduh sampai. SD2t tiba kira-kira 10 minit selepas tertuduh tiba.

[87] Menurut keterangan tertuduh, semasa sedang minum, dia mendapat panggilan telefon daripada rakannya yang bernama Ah Wah yang menuntut supaya tertuduh membayar harga minuman yang tertuduh berhutang pada Ah Wah. Kata tertuduh, setiap kali dia keluar minum arak dengan Ah Wah, Ah Wah akan membayar harga minuman dahulu dan selepas itu baru bahagian bayaran yang kena dibayar oleh tertuduh akan dikira dan dibayar oleh tertuduh.

[88] Kata tertuduh, dia mengajak Ah Wah datang ke tempat minum dan minum bersama, tetapi Ah Wah tidak mahu dan sebaliknya menyuruh tertuduh bertemu dengannya dekat sebuah masjid di Desa Jaya, Kepong.

[89] Oleh sebab tertuduh tidak mempunyai kenderaan sendiri, dia telah meminjam motosikal Ah Chai dan pergi ke tempat yang dijanjikan dengan motosikal Ah Chai. Perjalanan ke tempat itu mengambil masa kira-kira lima minit dengan motosikal. Setibanya di sana, dia tidak nampak Ah Wah. Dia telah turun dari motosikal dan menanggalkan topi keledar dan ketika itu polis telah menangkapnya.

[90] Keterangan tertuduh itu disokong oleh SD2. Dalam keterangannya SD2 berkata bahawa dia telah bersama tertuduh dan Ah Chai minum pada petang hari kejadian di kedai bernama '*9898*' di Indah Perdana, Kepong, yang terletak berhampiran rumahnya, dan bahawa tertuduh ada menerima panggilan telefon pada telefon bimbitnya. Dia juga mengatakan bahawa tertuduh telah meminjam motosikal Ah Chai dan beredar dari situ. SD2 sendiri beredar dari kedai itu selepas 15 minit tertuduh pergi. Ah Chai tinggal seorang selepas SD2 beredar.

Adakah keterangan Tertuduh dan SD2 tentang motosikal itu barangkali benar?

[91] Barangkalikah cerita tertuduh dan SD2 bahawa motosikal P22 telah dipinjam daripada Ah Chai itu benar?

[92] Cerita tertuduh tentang dia minum bersama Ah Chai di Indah Perdana, menerima panggilan daripada Ah Wah, meminjam motosikal Ah Chai dan beredar dari kedai tempat mereka minum itu untuk bertemu Ah Wah ada disebut dalam pernyataan beramaran tertuduh (D26). Dalam pernyataan beramaran D26 itu, ada disebut juga bahawa motosikal itu motosikal Ah Chai. Nombor telefon Ah Chai dan Ah Wah juga diberikan oleh tertuduh. Pernyataan beramaran itu diberikan kepada pihak polis pada 10 Julai 2001, iaitu tiga hari selepas dia ditangkap. Oleh yang demikian, berpandukan keputusan Mahkamah Rayuan dalam kes *Ayoromi Helen v Public Prosecutor* [2005] l MLJ 699, ada asas yang kukuh untuk mengatakan bahawa cerita tertuduh dan SD2 itu bukan sesuatu yang baru direka-reka.

[93] Saya juga telah meneliti semula keterangan yang diberikan oleh SP8 dan SP9 semasa kes pendakwaan untuk melihat sama ada keterangan itu dapat menidakkan atau mengiakan cerita tertuduh.

[94] SP8 yang namanya didaftarkan sebagai tuan punya ketiga motosikal itu (seperti yang ditunjukkan dalam P23) tidak tahu-menahu tentang motosikal itu dan

telah hilang kad pengenalannya dalam tahun 2000 serta telah membuat laporan polis tentangnya. SP9, tuan punya kedai yang menjual motosikal itu, telah menjual motosikal itu kepada seorang wanita Cina yang datang dengan seorang lelaki Cina dan membayar tunai untuk motosikal itu. Kad pengenalan wanita itu telah ditunjukkan kepada SP9 dan SP9 telah menguruskan pendaftaran motosikal itu atas nama Hoi Yow Yin, iaitu nama SP8. SP9 tidak dapat mengecamkan lelaki yang datang bersama wanita Cina itu.

[95] Cerita tertuduh dan SD2 bahawa motosikal (P22) bukan motosikal tertuduh tetapi dipinjam oleh tertuduh pada hari kejadian daripada Ah Chai untuk bertemu Ah Wah juga dapat disokong oleh D28 yang menunjukkan bahawa kenderaan yang dimiliki oleh tertuduh ialah sebuah kereta yang telah terlibat dalam kemalangan dua minggu sebelum tarikh kejadian.

Kesimpulan

[96] Saya berpuas hati bahawa tiada keterangan yang dapat menunjukkan bahawa motosikal itu kepunyaan tertuduh seperti yang disarankan oleh timbalan pendakwa raya semasa tertuduh disoal dalam pemeriksaan balas. Malah imbangan kebarangkalian memihak kepada tertuduh bahawa motosikal P22 itu bukan kepunyaannya atau miliknya.

KEWUJUDAN AH CHAI DAN AH WAH

Nombor Telefon Ah Chai dan Ah Wah

[97] Seperti yang telah disebut di atas, dalam D26 tertuduh telah memberitahu dia pergi minum dengan Ah Chai dan kemudian meminjam motosikal Ah Chai untuk bertemu dengan Ah Wah. Cerita itu jelas bukan sesuatu yang baru direka- reka.

[98] Keterangan Pegawai Penyiasat SP10 telah diteliti semula dalam menimbangkan kebarangkalian cerita tertuduh tentang Ah Chai dan Ah Wah itu benar.

[99] SP10 menyatakan dalam keterangannya bahawa dia ada memeriksa nombor telefon yang dikatakan oleh tertuduh nombor telefon Ah Chai dan Ah Wah. SP10 telah mendail nombor-nombor itu dan 'setelah mendail dan tiada jawapan, bagi saya sudah memadai'. Kata SP10, nombor itu tiada dalam perkhidmatan. Namun, pembekal khidmat talian 016-3612557, iaitu nombor telefon yang dikatakan oleh tertuduh nombor telefon Ah Chai, tidak dihubungi oleh SP10. Bagi pembekal khidmat talian untuk nombor 012-3683192, iaitu nombor telefon yang dikatakan oleh tertuduh nombor telefon Ah Wah, SP10 berkata dia telah pergi ke pejabat Maxis di Subang Jaya selepas tiga hingga empat bulan dan telah hanya bertanya secara lisan tentang nombor itu dan diberitahu secara lisan juga bahawa nombor itu tidak wujud. Tiada apa-apa dokumen didapatkan.

Panggilan ke dan dan telefon bimbit tertuduh

[100] Sebagaimana yang dinyatakan di atas, tertuduh mengatakan dia menerima panggilan daripada Ah Chai mengajaknya minum, dia menelefon SD2 mengajak

A SD2 turut serta dan dia menerima panggilan daripada Ah Wah memintanya bertemunya di tempat kejadian. Cabaran dibuat oleh timbalan pendakwa raya bahawa semua panggilan itu tidak wujud.

[101] Barangkalikah panggilan itu wujud? Keterangan tertuduh itu perlu saya
B bandingkan dengan keterangan SP10.

[102] SP10 mengaku bahawa dia tidak membuat pemeriksaan tentang panggilan dari telefon tertuduh pada hari tangkapan. Setelah telefon diserahkan kepadanya, dan diperiksa olehnya, beliau mendapati tiada panggilan telah diterima. Namun beliau
C bersetuju bahawa nombor yang diterima dan dipanggil dari telefon itu boleh dipadamkan. SP10 juga telah tidak membuat semakan dengan pemberi khidmat talian dan SP10 telah bersetuju dengan peguam bela bahawa beliau sepatutnya telah menghubungi pemberi khidmat talian telefon itu. Semasa pemeriksaan semula, SP10 bersetuju bahawa pemeriksaan 'ikut telefon saja, tidak konklusif'.

D

[103] Mahkamah juga telah mengemukakan pertanyaan sama ada pembekal khidmat talian dapat memberikan nombor pemanggil. Jawapan yang diberikan oleh SP10 ialah beliau tidak pasti.

E **[104]** Tertuduh mengatakan bahawa dia menggunakan perkhidmatan telefon pra-bayar Maxis No 012 (yang dia sudah tidak ingat nombornya) dan ada juga telefon yang 'ada bil' (telefon pasca-bayar). Pada hari kejadian, katanya, dia menggunakan telefon pra-bayar. Dia menafikan saranan timbalan pendakwa raya bahawa dia menggunakan telefon pasca-bayar pada hari kejadian.

F

[105] Semasa pemeriksaan balas tertuduh, timbalan pendakwa raya telah cuba untuk mengemukakan akaun talian telefon Maxis bagi nombor 012-2896488 yang dikatakan kepunyaan tertuduh. Ini dibantah oleh peguam bela kerana akaun itu telah tidak dikemukakan semasa SP10 memberikan keterangan di peringkat kes
G pendakwaan.

[106] Saya telah tidak membenarkan pengemukaan akaun itu kerana, semasa SP10 memberikan keterangan, beliau telah disoal dengan panjang lebar tentang panggilan dari dan ke telefon bimbit tertuduh, seperti yang telah dibincangkan di atas.

H

[107] Oleh yang demikian, tiada apa-apa sebab untuk mewajarkan saya membenarkan pihak pendakwa mengemukakan keterangan tentang akaun telefon tertuduh yang sepatutnya telah diberikan oleh pihak pendakwa sebelum kes pendakwaan ditutup. Isu panggilan dari dan ke nombor telefon tertuduh bukanlah
I isu baru yang berbangkit secara tiba-tiba dalam kes pembelaan.

[108] Dalam kes *Francis Antonysamy v Public Prosecutor* [2005] 3 MLJ 389, Mahkamah Persekutuan, semasa membincangkan isu beban pembuktian pihak pendakwa dalam bicara dalam bicara, telah berkata (di ms 401–402):

It is therefore clear that the duty of the prosecution is to present the evidence upon which it relies to discharge its burden in the course of its case and not split its case by reserving some evidence to be called in rebuttal.

[109] Saya percaya prinsip ini terpakai juga bagi perbicaraan utama. Pihak pendakwa tidak wajar dan tidak boleh diberi peluang untuk membaiki kesnya selepas kes pendakwaan ditutup, lebih-lebih lagi apabila apa yang hendak dikemukakan sudah diketahui sebelum kes pendakwaan ditutup sebagai sesuatu yang patut dikemukakan oleh pihak pendakwa.

Ah Chai tidak mungkin meminjamkan motosikal bersama 'barang berharga'

[110] Timbalan pendakwa raya dalam hujahnya mengatakan bahawa mustahil Ah Chai akan membenarkan motosikalnya dipinjam oleh tertuduh sedangkan dalam raga motosikal itu ada 'barang yang berharga', iaitu dad ah berbahaya dalam beg kertas P10.

[111] Menurut tertuduh, dia telah berada di kedai minum itu bersama Ah Chai setengah jam sebelum panggilan Ah Wah dikatakan diterima, iaitu suatu tempoh yang agak lama. Jika benar motosikal dan beg kertas P10 itu kepunyaan Ah Chai, adakah kemungkinan Ah Chai terlupa tentang adanya beg kertas itu semasa motosikal dipinjamkan kepada tertuduh? Selagi ada kemungkinan itu, maka masih ada kebarangkalian bahawa cerita tentang Ah Chai meminjamkan motosikalnya kepada tertuduh itu benar.

Kesimpulan

[112] Setelah meneliti keterangan tertuduh dan SD2 dan membandingkannya dengan keterangan SP10, saya berpuas hati bahawa, berdasarkan imbangan kebarangkalian, cerita tertuduh tentang kewujudan Ah Chai dan Ah Wah dapat diterima sebagai benar.

Adakah Tertuduh Tahu Tentang Kandungan Beg Kertas P10?

[113] Tertuduh mengatakan bahawa dia tidak perasan tentang adanya beg kertas dalam raga motosikal P12 yang ditungganginya. Di Ibu Pejabat Kontinjen Polis ('IPK') Kuala Lumpur satu beg plastik telah ditunjukkan kepadanya. Beg plastik yang ditunjukkan kepadanya berwarna hitam, katanya, bukan merah seperti warna P11 (iaitu beg plastik yang mengandungi P12 dan P13 dan ditemui dalam beg kertas P10).

[114] Semasa pemeriksaan balas, telah dirujukkan kepadanya baris 13, ms 3, pernyataan beramarannya (D26). Di situ tertuduh mengatakan bahawa dia ada nampak beg kertas dalam raga motosikal. Penjelasan tertuduh kepada mahkamah ialah dia telah hanya ditunjukkan beg kertas itu semasa memberikan percakapan beramaran itu di Balai Polis Rawang. Bagaimanapun, datam D26, tertuduh mengaku telah nampak beg kertas itu tetapi tidak tahu dan tidak melihat apa kandungan isinya

kerana dia meminjam motosikal itu daripada Ah Chai dan beg itu kepunyaan Ah Chai. Hanya di IPK Kuala Lumpur baru dia ditunjukkan paket yang mengandungi serbuk warna merah yang dikatakan didapati dari dalam beg kertas itu.

[115] Pada hemat saya, walaupun ada percanggahan antara keterangan tertuduh di mahkamah ini dengan pernyataannya dalam D26 tentang sama ada dia ada melihat beg kertas P10 dalam raga motosikal P22, percanggahan itu tidaklah sebegitu substansial sehingga membolehkan saya mengetepikan hakikat bahawa sejak dari masa dia memberikan pernyataan beramaran D26 lagi tertuduh telah menafikan dia tahu tentang dadah berbahaya yang terkandung dalam beg P10 dan telah dengan konsisten mengatakan beg itu bukan kepunyaannya tetapi semestinya kepunyaan Ah Chai kerana motosikal itu kepunyaan Ah Chai.

Kesimpulan

[116] Setelah meneliti keterangan yang dikemukakan oleh pihak pembelaan dan menilainya dengan merujuk kepada keseluruhan keterangan yang telah dikemukakan, saya berpuas hati bahawa berdasarkan imbangan kebarangkalian pihak pembelaan telah berjaya menunjukkan bahawa tertuduh tidak mempunyai pengetahuan tentang dadah berbahaya di dalam beg kertas P10, dan sekali gus mematahkan anggapan pemilikan di bawah s 37(d) ADB.

KEPUTUSAN PADA AKHIR KESELURUHAN KES

[117] Dengan terpatahnya anggapan di bawah s 37(d) ADB itu maka saya mendapati bahawa pada akhir keseluruhan kes kesalahan pemilikan dadah berbahaya seperti yang dinyatakan dalam pertuduhan pindaan telah tidak dibuktikan melampaui keraguan yang munasabah.

[118] Oleh yang demikian, tertuduh telah dilepaskan dan dibebaskan daripada pertuduhan yang dihadapkan terhadapnya.

Tertuduh dilepas dan dibebaskan daripada pertuduhan.

Reported by Sally Kee